



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Berita Harian
Date	20/8/2013

Rakyat diajak kongsi idea rangka Bajet 2014

BH - 20/8/2013

Kuala Lumpur: Datuk Seri Najib Razak mengajak rakyat berkongsi idea dan saranan bagi merangka Bajet 2014, mulai Isnin ini.

Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan berkata, langkah itu selaras komitmennya untuk membentuk belanjawan hasil inspirasi rakyat.

"Tahun lepas idea dan saranan anda telah digunakan dalam beberapa polisi Belanjawan 2013 dan sekali lagi

mempelawa anda untuk sertai kami, mulai Isnin depan dalam berkongsi maklum balas Bajet 2014," katanya dalam Facebook, semalam.

Fokus lima aspek

Bajet 2013 yang bertemakan Memakmur Negara, Mensejahtera Rakyat: Sebuah Janji Ditepati memfokuskan lima aspek utama, iaitu merangsang aktiviti pelaburan, memperkasa pendidikan dan latihan,

membudayakan inovasi meningkatkan produktiviti, konsolidasi fiskal dan mempertingkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan awam dan mensejahterakan rakyat.

Antara sorotan bajet itu adalah meringankan kos sara hidup dengan menyalurkan Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M), diskaun PTPTN (pendidikan), subsidi dan insentif padi bernilai RM2.4 bilion (kelestarian bekalan makanan)

serta unit rondaan bermotorsikal dan pemasangan alat kawalan keselamatan (kejiranan yang selamat).

Pembangunan komuniti

Sorotan lain adalah pembangunan komuniti yang memberi tumpuan kepada program seperti 1Azam dan transformasi komuniti, pasaran bon dan sukuk, dana pembiayaan perusahaan kecil sederhana (PKS) Bumiputera dan dana industri halal (menyokong pelaburan dan PKS), Perumahan Rakyat 1Malaysia dan Skim Rumah Pertamaku (perumahan untuk rakyat) dan aspek kesihatan seperti Klinik 1Malaysia dan pemeriksaan percuma ujian mamogram.